



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSİ PENGUATKUASAAN MARİTİM MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan : APMM UKK 100-2/1 Jld.6()
Tarikh : 27 November 2016

SIARAN MEDIA

MARİTİM MALAYSIA BERJAYA EKSTRADISI 8 SUSPEK ROMPAK MT ORKİM HARMONY

JOHOR BAHARU, 24 NOVEMBER 2016 – MT ORKİM HARMONY dilaporkan hilang bersama 22 anak kapal, Lokasi terakhir iaitu lebih kurang 23.5 batu nautika Timur Laut Tg Sedili, Johor. Kapal dalam pelayaran dari Melaka ke Kuantan. Kapal membawa muatan minyak petrol Ron 95 sebanyak lebih kurang 5879 metrik tan, pada 12 Jun 2015 jam 7.00 pagi.

Sepanjang operasi Mencari dan menyelamatkan (CARILAMAT) dijalankan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melalui MRCC Putrajaya telah melakukan pencarian seluas 599,259 kilometer persegi bagi Laut China Selatan dan Selat Melaka. Aset-aset yang terlibat ialah aset laut sebanyak 12 kapal peronda APMM dan 3 aset udara APMM. MRCC Putrajaya juga telah mendapat bantuan daripada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) iaitu 6 aset laut dan 1 aset udara bagi melaksanakan misi pencarian. Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga telah menghantar 2 aset udara bagi melaksanakan misi pencarian melalui udara. APMM juga telah membuat kerjasama dengan pihak Badan SAR Nasional (BASARNAS) Indonesia, Badan Keamanan Laut Republik Indonesia (BAKAMLAR) dan pihak berkuasa Singapura iaitu *Singapore Police Coast Guard* (SPCG) untuk melakukan pencarian di kawasan perairan Indonesia, Singapura serta sempadan perairan kedua-dua negara bagi mengesan kapal berkenaan.

Pada hari keenam 17 Jun 2015, operasi CARILAMAT dijalankan, MRCC Putrajaya telah meminta bantuan dari pihak Australia bagi membantu usaha pencarian. Pihak Australia telah menugaskan pesawat P3 ORION bagi melakukan pencarian di perairan teluk Siam. Pada 18 Jun 2015 lebih kurang jam 1715H pesawat P3 ORION telah menjumpai MT ORKIM HARMONY di posisi lebih kurang 80 batu nautika barat Vietnam. Nama kapal tersebut telah ditukar kepada **KIM HARMON**. Bertindak atas maklumat tersebut, MRCC Putrajaya telah menghantar beberapa aset ke lokasi MT ORKIM HARMONY di kesan. MRCC Putrajaya juga telah menghubungi MRCC Vietnam, memaklumkan lokasi MT ORKIM HARMONY yang telah ditukar nama untuk menjejaki kapal tersebut.

Usaha bagi mendekati kapal MT ORKIM HARMONY yang telah dijumpai telah dilakukan oleh KD TERENGGANU dan KM AMANAH di perairan Vietnam. Kapal tersebut telah berjaya diselamatkan pada 19 Jun 2015 dan kesemua anak kapal berkenaan berada dalam keadaan selamat kecuali seorang anak kapal mengalami kecederaan setelah ditembak di bahagian peha akibat ditembak oleh perompak. Mangsa yang mengalami kecederaan tersebut telahpun dibawa menaiki Pesawat EC 725 AGUSTA TUDM dan telah menghantar mangsa ke Hospital USM Kubang Kerian untuk rawatan lanjut. Kapal kemudian di iringi ke Pelabuhan Kuantan untuk siasatan lanjut dan selamat merapat di jeti Pelabuhan Kuantan pada 20 Jun 2015.

Walaupun kesemua perompak yang terdiri daripada lapan warganegara Indonesia Berjaya melepaskan diri dan ditangkap serta berada dibawah tahanan pihak berkuasa Vietnam.

Operasi Carilamat ditamatkan pada 20 Jun 2015. Kesemua anak Kapal MT ORKIM HARMONY selamat sampai dan berada dipelabuhan Kuantan untuk siasatan lanjut.

Pada 4 November 2016, *The Supreme Court Of Hanoi*, Vietnam telah memutuskan untuk mengekalkan keputusan *The Hanoi People Court* pada 12 September 2016 yang meluluskan permohonan ekstradisi Malaysia untuk membawa balik kesemua lapan Orang Yang Disyaki (OYDS) kes rompakan *Motor Tanker* (MT) ORKIM HARMONY yang berlaku pada 11 Jun 2015 lalu, bagi menghadapi pertuduhan di Malaysia. Pertuduhan akan disebut di Mahkamah Majistret Kota Tinggi, Johor pada tarikh ketibaan OYDS yang dijadualkan pada 27 November 2016 (Ahad)

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,
Jabatan Perdana Menteri,
Putrajaya

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Adeli Hussin,
Penolong Pengarah, Seksyen Perhubungan Awam,
Tel: 012-6592068
Fax: 03-89411000
Email: adeli@mmea.gov.my